

## Pembangunan Komik Digital : Hadiah

Shakirah Mohd Sofi, Ameera Adnin Anuar, Farhana Abdullah Asuhaimi & Helyawati Baharudin

*Fakulti Sains & Teknologi Maklumat,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Bandar Seri Putra, Kajang,  
Selangor.*

[syakirah@kuis.edu.my](mailto:syakirah@kuis.edu.my)

**Abstrak.** Capaian atau pembacaan komik digital di dalam talian telah mendapat permintaan yang tinggi di kalangan penggemar komik digital. Penyampaian sesuatu jalan cerita dinyatakan dalam bentuk imej, grafik, gabungan dengan teks atau maklumat visual lain. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan pembangunan interaktif komik digital yang bertajuk Hadiah. Hadiah merupakan satu kisah perjalanan keinsafan seorang jejaka bernama Afi yang mencari sinar baru dalam kehidupan selepas terjebak dengan LGBT iaitu gay. Digital komik ini direkabentuk dengan menggunakan beberapa perisian pilihan seperti Paint Tool Sai, Adobe Photoshop, Adobe Flash, Audacity Sound Editor dan Format Factory. Disamping itu, pembangunan digital komik ini serta berasaskan model reka bentuk pengajaran ADDIE yang mempunyai lima fasa iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pelaksanaan dan fasa penilaian. Dengan terhasilnya kertas cadangan komik digital ini dapat memberi pendedahan awal kepada pelajar, pendidik dan pengemar komik digital mengetahui proses awal pembangunan komik digital serta perisian dan perkakasan yang digunakan.